

TEKS UCAPAN PERASMIAN
PUAN YANG DIPERTUA
SEMINAR KESEDARAN ISU RF MENARA TELEKOMUNIKASI
PADA 22 MAC 2011(SELASA), JAM 9.00 PAGI
DI HOTEL SUNWAY, SEBERANG JAYA

Bismillahirrahmannirahim
Assalamualaikum selamat pagi dan salam sejahtera,

YANG DIHORMATI,
Y. B AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

AHLI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI,

EN. MOHD. HUSSIN B. ALI, PENGARAH SURUHANJAYA KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) PEJABAT WILAYAH UTARA

PROFESSOR DR. NG KWAN HOONG, PROFESSOR OF MEDICAL
PHYSICS, RADIOLOGY DEPARTMENT, UNIVERSITY MALAYA

ENCIK ISMAIL OTHMAN,
PENGARAH OPERASI, PEJABAT WILAYAH UTARA,
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

ENCIK MOHAMMED HAKIM OTHMAN
TIMBALAN PENGARAH, BAHAGIAN PIAWAIAN TEKNOLOGI DAN
RANGKAIAN, SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MEMANJATKAN SYUKUR KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIA-NYA, MAKA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI SEMINAR KESEDARAN ISU RF MENARA TELEKOMUNIKASI PADA HARI INI. INI ADALAH KALI PERTAMA SAYA BERDIRI DI SINI SEBAGAI YDP MPSP.

SAYA JUGA AMAT BERBESAR HATI DAN MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN HADIRIN SEKALIAN PADA SEMINAR INI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT DAN PENJELASAN BERKAITAN ISU-ISU YANG SERING DIBANGKITKAN DARI MENARA TELEKOMUNIKASI.

1. Jutaan terima kasih kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Pejabat Wilayah Utara dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Penang Development Corporation Telecommunication (PDCTS) serta semua industri yang terlibat di atas usaha dan komitmen dalam menganjurkan seminar ini serta memastikan ianya berjalan dengan lancar bagi mencapai matlamatnya.

YANG BERHORMAT-YANG BERHORMAT , TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

2. Isu radiasi dari menara telekomunikasi merupakan salah satu isu semasa yang menjadi satu cabaran besar kepada industri telekomunikasi. Ia telah kerap dibincangkan di dada-dada akhbar akhir-akhir ini dan sering menjadi penentu untuk pembangunan

telekomunikasi negara serta menjadi persoalan kepada para penduduk tentang bahaya radiasi tersebut kepada kesihatan mereka.

Selain dari isu radiasi, kerap juga isu yang menjadi bantahan penduduk setempat terhadap menara telekomunikasi ini adalah tentang keselamatan menara tersebut yang dikatakan tidak bersesuaian dengan lokasi serta tidak menepati spesifikasi struktur yang dibenarkan selain perkara-perkara berkaitan kelulusan untuk mendirikan menara tersebut. Akibat dari pelbagai bantahan ini, pembinaan menara telekomunikasi di Pulau Pinang telah terjejas, malah ada menara yang terpaksa dirobohkan. Situasi ini bukanlah perkara baru memandangkan pelbagai aduan dan bantahan yang diterima sebelum ini kebanyakannya menjurus kearah masalah yang sama.

**YANG BERHORMAT-YANG BERHORMAT , TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN SEKALIAN,**

3. Dalam menuju era globalisasi dan kemajuan teknologi, negeri Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam pembangunan tersebut terutamanya dari segi kemajuan bidang telekomunikasi. Sepertimana hasrat YAB Ketua Menteri kita yang mahukan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa (international city), kita harus beranjak kepada satu bentuk ekonomi baru berasaskan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi untuk kekal relevan dalam persaingan ekonomi global.

Oleh itu, penganjuran seminar ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan dan maklumat berkaitan dengan isu radiasi dari menara telco amat bertepatan dengan keperluan semasa serta isu yang dibangkitkan oleh para pengadu. Kita berasa bertuah kerana pada hari ini kita dapat mendengar sendiri hujah-hujah tentang isu ini daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Antara isu yang akan diterangkan adalah berkaitan radiasi dari menara telekomunikasi, standart dan spesifikasi yang ditetapkan untuk sesuatu menara, serta proses kelulusannya.

Di dalam seminar ini para peserta boleh sama-sama berbincang dan bertukar pengetahuan dan memahami mengenai isu pembinaan menara dan sistem telekomunikasi ini.

**YANG BERHORMAT-YANG BERHORMAT , TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN SEKALIAN,**

4. Saya berharap, resolusi seminar pada pagi ini akan dapat dijadikan panduan kepada hadirin sekalian untuk menilai fakta-fakta bagi tujuan untuk mengatasi masalah yang melibatkan pembinaan menara-menara telekomunikasi yang terdapat di Seberang Perai dan di seluruh negeri Pulau Pinang amnya. Dengan penyertaan dari ADUN, wakil-wakil Telco, wakil-wakil PBT dan agensi-agensi kerajaan serta wakil-wakil penduduk secara tidak langsung juga adalah diharapkan akan dapat membantu mengatasi masalah yang sering menjadi rungutan orang ramai.

Saya amat berharap agar perkara yang akan dibincangkan pada seminar hari ini mampu membantu para peserta memahami isu radiasi, proses kelulusan dan piawaian dalam penetapan sesuatu menara telekomunikasi, sekaligus merealisasikan hasrat kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk semua penduduknya "IT Connected". Saya juga berharap agar kehadiran YB, tuan-tuan dan puan-puan dalam seminar ini mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan sistem telekomunikasi di Pulau Pinang.

**YANG BERHORMAT-YANG BERHORMAT , TUAN-TUAN DAN
PUAN-PUAN SEKALIAN,**

5. Kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak, samada dari pihak industri, YB-YB, penduduk dan pakar diberi pujian dan semoga ianya berterusan bagi memastikan industri telekomunikasi dapat terus berkembang pesat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan syabas di atas penganjuran seminar yang amat bermanfaat ini. Semoga kesempatan yang diberi ini akan diguna sebaik mungkin oleh para hadirin untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan terutamanya di dalam sesi soal jawab nanti.

Dengan ini, saya dengan lafaz BismillahiRahmani Rahim, merasmikan Seminar Kesedaran Isu RF Menara Telekomunikasi

Sekian, terima kasih.